

## **The Message of Dakwah in Television Drama on Egyptian TV Channel 1**

### **Mesej Dakwah Dalam Drama dalam Saluran 1 TV Mesir**

Ahmad Mujahid Abdullah  
*mujahid@hikmah.edu.my*  
Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB)  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Siti Rugayah Hj. Tibek  
*gay@ukm.edu.my*  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Jawiah Dakir  
*jawiah@ukm.edu.my*  
Institut of Islamic Hadhari  
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Fariza Md Sham  
*farisham@ukm.edu.my*  
Department of Dakwah and Leaderships  
Faculty of Islamic Studies  
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Article received on 6 January 2014. Article published online on 25 Mac 2015.

#### **Abstract**

Broadcasting is a mean of mobilization for promoting development for most of the African countries especially Egypt. The history of vertical communication technology is proven to be an effective medium of development and growth of the politics, economy and socio-culture of the Egyptian society. In tandem with the essence of dakwah, enjoining what is right and forbidding what is wrong, the role of television is deemed as the most optimistic medium viewed from a more comprehensive and innovative context. The objectives of this article then were to identify the dakwah messages in the dramas being broadcast in Channel 1 Egypt TV and to explain the viewers' perception regarding these messages. To analyze the data, tools and research methodologies systematically combined accordance to the objectives of the study. Out of three samples of Egyptian television dramas and a hundred respondents who did the survey, it was found that the dakwah messages had been implicitly and explicitly inculcated in the dramas. Those messages were positively received among the respondents. The findings have shown that there was a high mean in the survey items to add knowledge (3.69), new knowledge (3.91), religious consciousness (3.63). The study also found that the overall mean value (3.52) was just average. Based on the findings,

we suggest that the messages of dakwah in dramas should also be included in the form of a brief text at the end of the dramas so as to explain the underlying meanings and strengthen the explicit messages.

***Keyword: Egyptian television, Egyptian drama, drama message, dakwah message, dakwah drama.***

### **Abstrak**

Sistem penyiaran adalah alat mobilisasi untuk mempromosi pembangunan bagi negara-negara Afrika khususnya Mesir. Sejarah teknologi komunikasi secara vertikal ini terbukti efektif sebagai medium pembangunan dan perkembangan politik, ekonomi dan sosiobudaya masyarakat Mesir. Setiap agenda dalam program yang disiarkan di kaca televisyen adalah berdasarkan kepada mesej yang telah ditentukan terlebih dahulu. Selaras dengan esensi dakwah iaitu menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran, drama televisyen dilihat sebagai medium yang sangat optimistik untuk menyampaikan mesej dakwah dalam konteks yang lebih komprehensif dan inovatif. Artikel ini dikeluarkan untuk mengenal pasti mesej dakwah dalam drama yang disiarkan melalui saluran 1 TV Mesir dan menjelaskan persepsi penonton terhadap mesej dakwah tersebut. Untuk menganalisis maklumat, kaedah dan metodologi kajian dipadu secara sistematik selaras dengan objektif kajian. Dengan tiga sampel drama yang ditayangkan di saluran 1 TV Mesir pada tahun 2009 dan soal selidik daripada 100 orang responden, hasilnya menjelaskan bahawa mesej dakwah telah diterapkan dalam drama televisyen Mesir. Mesej tersebut mendapat reaksi positif dalam kalangan responden. Hasil kajian menunjukkan min yang tinggi dalam menambah ilmu (3.69), pengetahuan baru (3.91), kesedaran agama (3.63). Secara keseluruhan, kajian ini mendapati nilai min (3.52) adalah berada pada tahap sederhana. Berdasarkan hasil kajian ini, penulis mengusulkan cadangan agar mesej dakwah dalam drama hendaklah disertakan dalam bentuk teks yang ringkas di awal atau akhir drama bagi mewakili dan menjelaskan mesej-mesej yang tersirat serta mengukuhkan mesej yang tersurat.

***Kata Kunci: televisyen Mesir, drama Mesir, mesej drama, mesej dakwah, drama dakwah.***

## Pengenalan

Teknologi penyiaran menjadi tumpuan negara-negara Arab timur tengah selepas peperangan dunia ke-2 (Hamid Maulana 1987). Bertujuan membangunkan semula negara dan menggalakkan semula perubahan hidup yang positif dalam masyarakat. Sistem penyiaran menjadi alat mobilisasi untuk mempromosikan pembangunan bagi kebanyakan negara-negara Afrika khususnya Mesir (Stevensen, Robert L. 1988).

Mesir telah memulakan sistem televisyennya secara mega berbanding negara-negara Afrika sekitarnya. Pada tahun 1960, Mesir telah mempunyai perkhidmatan radio dan industri filem sendiri (Maji al-Halwani 1982). Mesir merupakan 'koordinator' dalam menentukan rentak televisyen bagi dunia Arab. Presiden Jamal Abdul Nasir menyedari nilai potensi televisyen sebagai medium yang membantu usahanya untuk membina negara Mesir moden pada akhir tahun 1950.

Kajian terhadap drama televisyen Mesir adalah kerana Mesir merupakan antara negara yang luas pengaruh industri drama televisyennya di serata dunia khususnya kawasan Timur Tengah dan Asia Barat. Negara Mesir ketika di kemuncak perkembangan industri televisyennya dinobatkan sebagai *Hollywood of the East* oleh Timonty Green (1974).

Fasa pertama kemunculan drama sebagai satu cadang kesenian dan hiburan telah memasuki Mesir dalam bentuk *shadow plays* di sekitar kurun ke-12. Pada awal kurun ke-18, Harun al-Naqqash yang berpengalaman berkaitan seni pementasan drama dalam pawagam atau panggung wayang atau diistilahkan sebagai teater (seterusnya teater) dari Negara Perancis dan Negara Itali telah mengadaptasi teater komedi *Moliere's L' Avare* ke dalam versi Arab dan menamakan teater tersebut sebagai *al-Bakhil* (Jacob M. Landau. 1969) Pementasan teater mula mendapat perhatian golongan aristokrat dan wakil-wakil negara luar yang tinggal di Mesir.

Biarpun peminat teater ketika itu masih kecil, kejayaan Harun al-Naqqash melalui beberapa percubaan teaternya telah membawa kepada pembinaan dewan khusus untuk tujuan tersebut. Aktiviti kesenian khususnya pementasan teater mula tumbuh dan berkembang dengan kelahiran seniman-seniman baru yang silih berganti selepas Harun al-Naqqash. Di antaranya ialah Salim al-Naqqash, Hafiz Ibrahim (1872-1932), Mustafa Kamil (1874-1908), Farah Anton (1861-1922), Muhammad Taymur (1892-1921) dan Ahmad Syawqi (1868-1932) (Rugayah Tibek. 1999).

Sehingga pada tahun 1933, terdapat sejumlah kurang dari sepuluh panggung teater dibina di sekitar Bandar Qaherah, di antaranya ialah : Panggung teater Opera House, Panggung teater Ezbekia Theater, Panggung teater Dar al-Tamsil al-Arabi, Panggung teater Ramses Theater, Panggung teater al-Rihani Theater, Panggung teater Printania Theater, Panggung teater Majestic Theater, dan Panggung teater Bosphore Theater (Nevill Barbour, 1935). Di samping itu, beberapa syarikat yang memiliki panggung teater telah dibenarkan oleh pihak kerajaan untuk mengadakan persembahan drama secara terbuka di beberapa sub bandar yang tidak mempunyai dewan teater. Faktor lain yang turut menyumbang perkembangan drama ialah perkembangan perusahaan filem semenjak 1930 (Lane. 1997).

Oleh kerana drama merupakan satu genre yang melibatkan banyak sudut kesenian dan kemahiran seni pementasan *al-Masrah* dan sinema (pementasan dalam pawagam atau panggung wayang (seterusnya

sinema), drama televisyen Mesir ketika awal kemunculannya terpaksa bergantung kepada individu yang terlibat dengan aktiviti seni pementasan *al-Masrah* (Adli Said. 2006). Drama radio dan juga drama televisyen masing-masing bergantung kepada seni pementasan *al-Masrah* dan sinema. Di antara pementasan pertama yang disiarkan oleh televisyen Mesir ketika itu ialah pementasan *Majnun laili, al-Sofaqoh dan al-Dulu'ah*. Bagi pihak penyiaran televisyen sendiri, sejumlah enam buah dewan pementasan telah dibina. Setiap hasil pementasan menjadi penampung kekurangan program siaran televisyen (Timonty Green. 1974). Selain drama, televisyen juga bergantung kepada sinema bagi mengisi kekurangan program siaran.

Selepas revolusi pada tahun 1952, drama televisyen Mesir telah maju selangkah ke hadapan dengan melepasi zaman adaptasi drama kepada tahap kreativiti drama sendiri. Dengan kelahiran penulis skrip drama seperti Yousef Idris, Numan Asyur, Alfred Farag, Saad al-Din Wahba, drama Mesir bergantung sepenuhnya kepada sumber tempatan negara Mesir. Mereka memilih tema, jalan cerita, karakter dan bahan-bahan berkaitan drama daripada kehidupan masyarakat mereka sendiri. Penggunaan bahasa slanga masyarakat tempatan di dalam drama merupakan satu kelebihan bagi drama Mesir (Louis Awad. 1968).

Selepas drama bersiri mula diperkenalkan di Amerika, Mesir merupakan negara Arab pertama mengikut jejak Amerika dengan memperkenalkan drama bersiri dalam program penyiarannya. Pada tahun 1961, drama bersiri mula ditayangkan di kaca televisyen Mesir. Drama bersiri pertama yang disiarkan ialah *Haraba min al-ayyam, A'dat wa taqalid* dan *Al-rammal al-naimah* (Adli Said. 2006).

### **Penerapan Mesej dalam Drama Televisyen Mesir**

Drama merupakan pertemuan daripada beberapa cabang kesenian seperti seni sastera, seni tari, seni suara, seni lukis dan seni bentuk yang lain yang dapat menimbulkan kesan-kesan dari segi *setting* dan peralatan (Said Halim. 1988)

Genre drama yang disiarkan televisyen sama ada mini drama, drama bersiri, melodrama, teater, atau pementasan adalah berperanan penting dalam proses pembentukan tingkah laku sama ada berbentuk pemerkasaan terhadap suatu nilai dan norma tertentu atau berbentuk perubahan dan pembatalan terhadap sesuatu idea dan pemikiran yang terdapat dalam masyarakat.

Ketika masyarakat Mesir cuba memperbaiki struktur masyarakatnya selepas kejatuhan sistem monarki, yang sebelum ini telah menjarakkan jurang susun lapis masyarakat di antara elit dan kelas menengah. Muncul Tawfiq al-hakim dengan dramanya yang bertajuk *al-Aidi al-Naimah* menyalurkan mesej perdamaian dan keharmonian dalam susun lapis masyarakat melalui cinta dan kasih sayang. Drama ini mendapat sambutan dan pujian dari pelbagai pihak termasuk pihak kerajaan. Kesan terhadap mesej yang telah disalurkan di dalam drama ini adalah dikira berjaya kerana drama ini telah mendapat perhatian secara meluas oleh media cetak ketika itu.

Krisis terhadap jurang kehidupan dalam masyarakat Mesir terus mendapat perhatian penulis-penulis skrip selepas revolusi yang bermula tahun 1952. Daripada data yang dijumpai menjelaskan

bahawa penerapan mesej drama televisyen Mesir dalam konteks *social purpose drama* telah ditulis oleh Nu'man Ashur. Dramanya yang pertama bertajuk *Al-nas illi taht* sebagai percubaan pertama beliau menerapkan mesej kesaksamaan dan keadilan dalam masyarakat. Drama ini mula disiarkan di kaca televisyen Mesir pada tahun 1956. Dua persoalan diutarakan dalam drama ini. Pertama; bagaimana kesaksamaan perlu pada seorang manusia. Kedua; apakah sumbangan yang mampu diberi oleh seorang individu untuk membina masyarakat berdasarkan kesaksamaan yang sebenar. Konflik yang digambarkan dalam drama ini mendedahkan realiti masyarakat antara baik dan buruk. Drama ini telah memberikan refleksi yang tajam kepada orang-orang bawahan dan orang atasan (David Cowen. 1968).

Drama merupakan salah satu bentuk kesenian kreatif yang berkembang sejajar dengan perkembangan ekonomi, politik dan sosiobudaya masyarakat (David Cowen, 1968). Lantas penerapan mesej drama agak dominan dalam politik apabila potensi drama disadari cukup berkesan bagi menyampaikan mesej tersebut kepada orang ramai. Drama-drama yang meniupkan semangat cintakan negara atau memaparkan konflik keselamatan dan keamanan nasional menjadi tema utama bagi menyampaikan pengaruh politik melalui mesej yang disampaikan secara langsung atau tidak langsung. Di antara contoh drama televisyen Mesir yang jelas menyampaikan mesej politik ialah drama yang berbentuk *al-Jasusiah* (penyiasatan) seperti drama *Al-sa'lab*, drama *Al-su'ud ila al-wiah* dan drama *Dumu fi uyun waqhah*. Drama-drama ini mengandungi mesej politik di sebalik konflik dan jalan penceritaan yang dipaparkan bagi kepentingan pihak kepimpinan kerajaan Mesir. Begitu juga sebalik, terdapat drama yang mengandungi mesej yang berbentuk kritikan terhadap pentadbiran kerajaan Mesir seperti drama *Masat al-halaj karangan solah Abdul Sabur* (Khalil L. Semaan. 1979).

Penyaluran mesej drama juga dilihat sangat dominan dalam drama-drama yang bermotifkan kesihatan. Drama televisyen telah sekian lama digunakan untuk menyalurkan mesej kesihatan di Mesir terutamanya berkaitan perancang keluarga, *oral rehydration solution* (ORS), dan imunisasi (Lane. 1997). Menurut kajian yang telah dijalankan oleh *United Nation Population Fund* (UNFPA) ke atas 100 buah negara, Mesir merupakan antara 20 negara yang paling berjaya memperbaiki taraf kesihatan penduduk melalui mini drama yang disiarkan dalam televisyennya (Asia-Pacific Popin Bulletin. 1995).

Selain itu, penyaluran mesej drama dakwah dalam televisyen Mesir juga turut melibatkan sektor pembangunan sosial yang lain seperti masalah buta huruf, masalah penagihan dadah di kalangan remaja dan pelampau agama (Abu Lughod. 1993).

## **Mesej Dakwah dalam Drama Televisyen**

Perkataan dakwah membawa makna Islam sebagai sebuah agama sama ada dipandang dari sudut esensinya, cakupannya, kedudukannya atau objektifnya. Dakwah dengan makna ini didirikan berasaskan paradigma tauhid (Sabri Haron. 2009). Melalui paradigma ini atau disebut sebagai *tauhidic world-view*, dakwah dengan makna ini tidak hanya menentukan polisi dan falsafah komunikasi dalam sebuah entiti, bahkan akan melahirkan idea, norma dan produk media komunikasi yang lebih terarah serta menepati maksud sepertimana firman Allah SWT (al-Quran, Yusuf 108:12)

قل هذه سبيلي أَدْعُو إِلَى اللَّهِ عَلَى بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنِ اتَّبَعَنِي.

*Katakanlah, inilah jalan ku aku dan orang-orang yang mengikuti ku menyeru kepada Allah dengan hujah yang nyata.*

Konsep *tauhidic world-view* dalam media komunikasi telah mendahului teori komunikasi seperti disebut oleh Wilson (1995: hlm 35) “*the concept of goal has become a centerpiece in theorizing about message production*”. Ini kerana dalam proses penyebaran maklumat, penggunaan media komunikasi moden memerlukan objektif yang telah difikirkan terlebih dahulu. Dengan demikian, perlu ditentukan perisian terlebih dahulu sebelum memikirkan jenis-jenis perkakasan yang diperlukan. Sehubungan dengan itu perlulah dianggap keperluan perisian dan perkakasan media sebagai satu keperluan komunikasi yang sepadu (Samsudin. 1992). Maka dakwah dalam media komunikasi telah membekalkan perisian yang perlu menjadi fokus dan teras seiring dengan perkembangan teknologi. Perisian tersebut dijelaskan oleh Al-Shanqiti (1996: hlm 83) sepertimana katanya:

تأتى من كونه إعلاما عقديا مسلکيا واقعيا يراعى طبيعة الإنسان والحياة وعلاقة الوجود بالله وقيامه على الحق والصدق، وموضوعياته وعدله، ومن ثم وهو ضرورة شرعية ليكون بإطاره وفلسفته

*Datangnya dakwah sebagai penyiaran yang berpaksikan akidah, sebagai model ikutan dan bersifat realistik dengan mengambil kira fitrah manusia dan kehidupan manusia serta hubungannya dengan Allah. Dan penyiaran yang didirikan berlandaskan hak dan kebenaran, arah tuju dan keadilannya. Kemudian menjadi keperluan kritikal bagi syarat meletakkan penyiaran di bawah kerangka agama dan falsafah agama tersebut.*

Dakwah yang berasaskan *tauhidic world-view* ini menyediakan tatacara dan prinsip-prinsip yang merupakan benteng dan pengawal kepada masalah yang terdapat dalam sistem komunikasi seperti pemalsuan data, penyelewengan berita, pengabaian kod etika, penyebaran fitnah dan sebagainya. (Samsudin. 1992)

## Metod

Penyelidikan ini dilaksanakan berdasarkan maklumat dan data yang berbentuk kualitatif dan deskriptif kuantitatif. Untuk mengenal pasti mesej dakwah yang terdapat dalam drama dan menjelaskan reaksi responden terhadap mesej tersebut, teori dan metodologi penganalisaan dipadu secara sistematik selaras dengan objektif kajian. Instrumen yang digunakan untuk mengenal pasti mesej dakwah dalam drama televisyen adalah analisis kandungan (*content analysis*) yang banyak tertumpu kepada teknik memperhatikan dengan fokus kepada unit analisis berbentuk tulisan, visual dan percakapan (Ahmad Sunawari. 2007). Walau bagaimanapun artikel ini lebih khusus memfokuskan kepada mesej dakwah sahaja. Bagi mengenal pasti mesej tersebut, satu teori untuk mengesan mesej televisyen telah diguna pakai oleh penulis.

Teori yang dikemukakan oleh Umberto Eco (2003) menyatakan bahawa mesej televisyen dapat dikenal pasti secara sistematik melalui *system of sign* yang terdiri daripada beberapa kod dan subkod yang tertentu. Mesej televisyen mengikut Umberto Eco (2003: hlm 37) ialah *the message is the objective complex of sign vehicles built on the basis of one or more codes to transmit certain meanings and interpreted and interpretable on the basis of the same or other codes*.

Mesej televisyen secara ringkasnya terdiri daripada imej-imej, suara muzik dan lafaz perkataan yang keluar yang boleh dirangkumkan kepada dua kod asas. Kod pertama ialah *Iconic code* (ikon kod) iaitu satu set petanda atau kod yang menunjukkan bagaimana data boleh diwakili (seterusnya Kod ikon). Kod ini ialah persepsi daripada imej atau visual dalam drama yang ditayangkan. Jika persepsi daripada drama adalah dakwah, maka fokus dan perhatian tertumpu kepada interaksi antara suasana dakwah dan skema persepsi yang digariskan dalam drama tersebut. Apabila sesuatu drama ditayangkan, mesej drama tersebut disalurkan melalui dua bentuk sama ada tersurat atau tersirat. Kod ikon merupakan mesej tersurat yang dapat dilihat melalui imej visual yang ditayangkan. Kod ikon merupakan satu karakteristik penting bagi menyampaikan mesej sepertimana menurut telahan Embarto Eco (2003: 36): *communication through images proves more valid and immediate than that through words because it allows the receiver to refer at once to the unknown referent*.

Kod ikon terbahagi kepada *Iconologic subcode* dan *Aesthetic subcode*. *Iconologic subcode* ialah imej sesuatu yang kebiasaannya mengemukakan konotasi lain seperti seorang tua yang tersenyum sambil menghulurkan tangannya dan seorang kanak-kanak sedang berlari menuju kepada orang tua tersebut adalah membawa konotasi datuk. *Iconologic subcode* adalah mesej tersirat yang dapat dikesan berdasarkan mesej yang tersurat. Sementara *Aesthetic subcode* ialah kebiasaan dalam menentukan suatu imej tertentu melalui cita rasa sebagai suatu yang cantik, hodoh dan sebagainya.

Kod kedua ialah *Linguistic code* (Kod bahasa). Kod ini mencakupi semua perkataan yang digunakan untuk menyampaikan mesej tersebut. Kod ini terbahagi kepada *Emotional subcode* (seterusnya sub kod emosi) dan *syntagms with a conventional value* (seterusnya sub kod sintagma). *Emotional subcode* adalah merujuk kepada emosi seperti takut, marah, sedih dan sebagainya. Sementara merujuk kepada kata-kata dan ungkapan-ungkapan yang serius dan keras seperti perhatian, perang, tanah air dan sebagainya.

Kod dan sub kod di atas hanya boleh ditentukan terhadap suatu mesej mengikut kerangka *cultural references* (rujukan budaya) yang merupakan pengetahuan dan ilmu asas bagi seseorang individu atau institusi. *Cultural references* merujuk kepada ideologi, etika, pendirian agama, cita rasa, sistem nilai dan sebagainya. Kerangka ini menurut Embarto Eco ((2003: hlm 37) adalah “... a system of assumptions and expectation with interacts with the message and determines the selection of the codes with which to read it”.

Berdasarkan teori ini, penentuan terhadap mesej dakwah dalam drama televisyen menjadi lebih mudah untuk dikodifikasikan kerana mesej dakwah telah diasaskan berdasarkan kepada paradigma tauhid yang boleh dilihat dalam semua aktiviti manusia sepertimana disebut oleh Prof. Dr. Anis

Muhammad (2009) sebagai *Global Ethical Order*. Daripada tiga sampel drama yang dianalisis, kajian ini memberikan hasil berikut.

## Hasil dan Rumusan

Untuk memahami mesej drama dari perspektif dakwah secara konseptual, beberapa istilah asas yang berkaitan perlu dijelaskan terlebih dahulu. Bermula dari asas dakwah dan kedudukannya dalam Islam, beberapa prinsipil dakwah dalam sistem komunikasi penyiaran secara umum boleh disimpulkan sepertimana berikut:

1. Islam adalah agama penyiaran. Dakwah merupakan mekanisme penyiaran Islam yang mempunyai metodologi, wasilah dan uslub yang bertepatan dengan masa, tempat dan capaian teknologi semasa.
2. Penyiaran Islam sangat berkaitan dengan keimanan terhadap mesej Islam yang wajib disampaikan kepada manusia seluruhnya.
3. Penyiaran Islam merupakan model yang merealisasikan *amal makruf dan nahi mungkar*.
4. Penyiaran Islam ialah penyiaran yang bersifat objektif dan bermatlamatkan pembangunan dunia dan akhirat.

Melalui tiga sampel drama yang dianalisis, beberapa penemuan berkaitan mesej dakwah dapat disimpulkan seperti berikut:

1. Didapati bahawa pentafsiran terhadap mesej dakwah dalam sesebuah drama perlu didahului dengan *cultural reference* sebagai asas dan landasan kepada penonton untuk mentafsirkan sesuatu mesej. Dengan demikian, untuk mentafsirkan mesej dakwah dalam suatu drama adalah perlu dijelaskan terlebih dahulu asas dan landasan dakwah di awal permulaan drama secara tekstual sama ada ayat al-Quran dan Hadis Nabi saw bagi mewakili keseluruhan mesej yang hendak disampaikan. Dengan demikian, penghayatan terhadap mesej dakwah dalam drama boleh dihayati oleh penonton dengan sebaiknya sepanjang penceritaan drama berlaku.
2. Oleh kerana pentafsiran terhadap mesej drama televisyen melibatkan kod dan sub kod yang berbentuk tersurat dan tersirat, maka didapati mesej dakwah tidak sepenuhnya mampu ditelaah oleh penonton terutamanya pada mesej yang tersirat. Dengan demikian, mesej dakwah dalam drama lebih difahami sekiranya disertakan secara tekstual sama ada ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah saw di akhir drama bagi mewakili mesej yang tersirat.

Setelah mengenal pasti mesej dakwah dalam drama yang disiarkan di saluran 1 televisyen Mesir, seterusnya kesan daripada mesej tersebut boleh disimpulkan melalui dapatan statistik deskriptif sepertimana berikut: Hasil kajian menunjukkan min yang tinggi dalam menambah ilmu (3.69), pengetahuan baru (3.91), kesedaran agama (3.63). Secara keseluruhan, kajian ini mendapati nilai min (3.52) adalah berada pada tahap sederhana.



## Cadangan

Drama merupakan medan yang besar menyediakan peluang dakwah kerana bentuknya yang memperlihatkan aktiviti yang bersifat menghibur dan mempengaruhi. Drama yang baik adalah drama yang mendidik. Pada masa yang sama turut menghiburkan. Para daie haruslah menyedari potensi ini dan meningkatkan kualiti dan kuantiti drama dakwah bersesuaian dengan kehendak agama dan fenomena pasaran drama semasa.

Kajian ini mencadangkan agar mewujudkan majalah atau sekurang-kurangnya satu kolum dalam mana-mana majalah yang membincangkan drama dari sudut dakwah. Selain bersifat promosi terhadap suatu drama, ia turut menjelaskan mesej dakwah Islamiah secara tidak langsung.

Mesej dakwah hendaklah ditulis di awal dan di akhir suatu drama sama ada ayat al-Quran, sunnah atau kata-kata hikmah yang bersifat mendidik ke arah amal makruf nahi mungkar.

## Kesimpulan

Dakwah merupakan mekanisme penyiaran Islam yang terdiri daripada metodologi, uslub dan wasilah yang bertindak sebagai medium untuk menyampaikan mesej Islam bersesuaian dengan masa, tempat dan capaian teknologi komunikasi semasa. Dakwah sebagai mekanisme tidak terikat dengan masa, tempat dan teknologi. Mekanisme penyiaran Islam merupakan platform merealisasikan mesej dakwah dengan uslub kesenian melalui genre-genre yang mendapat perhatian umum. Melalui beberapa sampel drama yang dianalisis, dapat disimpulkan bahawa mesej dakwah tidak sepenuhnya dapat diterapkan secara menyeluruh. Ini kerana terdapat banyak konotasi yang boleh ditafsirkan oleh penonton berdasarkan keadaan masa, tempat dan emosi masing-masing. Mesej dakwah yang diterapkan dalam drama perlu dikuatkan dengan bantuan tekstual sama ada di akhir atau di awal drama.

## Rujukan

AL-Quran al-Karim.1997. Pustaka Antara Sdn Bhd. Kuala Lumpur.

Adam Morrow, Khaled Moussa al-Omari. 2009. *Article Egypt Makes Cultural Clout Count*. Inter press service IPS: Journalism and communication for global change. <http://ipsnews.net/africa/nota.asp?idnews=49061>. [20 Februari 2010].

Anon. 2009a. *Egypt Country Profile: Media*. BBC News Middle East. [http://news.bbc.co.uk/2/hi/europe/country\\_profiles/737642.stm#media](http://news.bbc.co.uk/2/hi/europe/country_profiles/737642.stm#media) [14 September 2008].

Anon. 2009b. *Dumu' fi Uyun Waqah*. Blogs al-bawaba.com. <http://blogs.albawaba.com/theoutsidersomali/65962/2009/09/27/179048->. [27 September 2009].

- Anon. 2010a. *Soleh Mursi*. wikipedia.org . [http://ar.wikipedia.org/wiki/صالح\\_مرسى](http://ar.wikipedia.org/wiki/صالح_مرسى) [07 Februari 2010].
- Anon. 2010b. *A'ilah al-Haj Mutawali*. wikipedia.org. [http://ar.wikipedia.org/wiki.عائلة\\_الحاج\\_متولي](http://ar.wikipedia.org/wiki.عائلة_الحاج_متولي). [09 Januari 2010]
- Ahmad Sunawari Long. 2007. *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah. Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Article Asia-pacific Popin Bulletin. 1995. *Population Information, Education and Communication*. Volume 7. Issue 3..Pages 6-10.
- Adli Said, Muhammad Redha. 2006. *Al-Bina al-Darama fi al-Radio wa al-Talfizion*. Kaherah. Dar al-nahzah al-arabiah.
- Abdul Rahim, Samsudin. 1992. *Isu-isu Komunikasi dalam Pembangunan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu lughod, Laila. 2004. *Dramas of Nationhood. The Politic of Televisyen in Egypt*. Chicago. University of Chicago press.
- Abu Lughod, Lila. 2006. *Local Context of Islamism in Popular Media*. Leiden, Amsterdam: Internasional Institute for the Study of Islam in the Modern World (ISIM).
- Abu Lughod, Lila. 1993. Power, Mass Media and the Middle East Islam and Public Culture: the Politics of Egyptian Television Serials. *Middle East Report*. No. 180.
- Middle East Research and Information Project United state: University of California Press. <http://www.jstor.org/stable/3013229> [12/04/2009]
- Anis Muhammad, Prof. Dr. 2009. *The Humanizing Islam*. Seminar Ikrab. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Shanqiti, Sayyed Muhammad. 1996. *Al-I'lam al-Islami, al-Mafhum wa al-Khasois*. Riyadh. Dar al-Muslim.
- Badawi, Muhammad Mustafa. 1987. *Modern Arabic drama in Egypt*. New York. Cambridge university press
- David Cowen. 1968. *Egypt Since Revolusion*. Edi. P.J. Vatikiotis. 1991. London. George Allen and Unwill LTD.
- Hamdawi, Dr. Jamil. 2009. *al-Darama al-Ta'limiah*. Website dunia al-watan, al-rayu dunia. <http://pulpit.alwatanvoice.com/content-169446.html>. [13 Oktober 2009].

- Husain Ramiz. 1972. *Al-Darama Baina al-Nazariah wa al-Tatbiq*. Beirut. al-Muassasah al-Arabiah li al-Dirasat wa al-Nasr.
- Hamid Mowlana. 2007. *Theoretical Perspectives on Islam and Communication*. China media research. Chinamediaresearch. Net. <http://www.chinamediaresearch.net/vol3no4/4.pdf> [12 Oktober 2009].
- Hamid Mowlana, 1987, *The Middle East*. Michael Adams, England, fact on file publication.
- Jacob M. Landau. 1969. *Studies in the Arab Theater and Cinema*. United State. University of Pennsylvania Press.
- Khalil L. Semaan. 1979. Drama as a vehicle of protest in Nasir's Egypt. int. f. *Internasional Journal of Middle East Studies* Vol. 10, No. 1 (Feb., 1979), pp. 49-53. Great Britain. Cambridge University Press.
- Khalil Sobat, Jamal Abdul al-Azim. 2001. *Wasa'il al-Ittisol, Nash'attuha Wa Tatawwuraha*. Kaherah. Maktabah al-Anjalo al-Masriah.
- Louis Awad. 1968. *Egypt Since Revolution*. Edi. P.J. Vatikiotis. 1991. London. George Allen and Unwill LTD.
- Lane, S.D. 1997. Knowledge and Practice in International Health. *Journal Medical anthropology quarterly*. Volume 11. Issue 2. Pages 164-182. Penerbit Blackwell Publishing on behalf of the American Anthropological Association.
- Maji al-Halwan. 1982. *Al-Izaah al-Arabiah*. t.tp. Dar al-Fikr al-Arabi.
- Maji al-Halwani 2009. *Al-I'lam al-Iza' i wa Talfizion wa al-Fadho'i*. Kaherah. Dar al-Iman li al-Tiba'ah.
- Mohammad Sabri Haron. 2009. *Konsep dan Falsafah Islam dalam Media*. Komunikasi di Malaysia, suatu penelitian awal pendekatan Islam Hadhari. Bangi, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nelson, Robin. 1997. *TV Drama in Transition: Forms, Values and Cultural Change*. New York. MacMillan press LTD.
- Nevil Barbour. 1935. The Arabic Theater in Egypt. *Bulletin of the School of Oriental Studies*. Vol. 8. No. 1. University of London. Cambridge University Press.
- Vatikiotis, P.J. 1991, *The History of Modern Egypt from Muhammad Ali to Mubarak*, Amerika Syarikat, Baltimore.

Rugayah Tibek. 1999. *Peranan Drama dalam Dakwah: Kajian Drama Dakwah TV1 dan TV3*. Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Timonty Green. 1974. *Broadcasting in Africa, a Continental Servey of Radio and Television*. Sydney W. head. Philadelphia. Temple University press.

Tennyson G. B. 1976. *An Introduction to Drama*. New York. Reinehart and Winston.

Umberto Eco. 2003. *Towards' a Semiotic Inquiry into the Televisyen Message*. Television: Critical Concept in Media and Cultural Studies. London. Tailor and Francis Group. Routledge.

Stevensen, Robert L. 1988. *Communication, Development, and the Third World*. New York. Longman.

Wilson, S. R. 1995. *Elaborating the Cognitive Rules Model of Interaction Goals: the Problem of Accounting for Individual Differences in Goal Formation*. Communication yearbook 18 (pp.. 3-36) Thousand Oaks, CA. Sage.

### **About the Authors**

Ahmad Mujahid Abdullah is a (Ph.D) student of Institute of West Asian Studies (IKRAB), Universiti Kebangsaan Malaysia. He is currently a lecturer of Kolej Dar al-Hikmah. He can be contacted at [mujahid@hikmah.edu.my](mailto:mujahid@hikmah.edu.my).

Siti Rugayah Hj. Tibek (Ph.D) is a Professor at Department of Dakwah and Leadership, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia. She can be contacted at [gay@ukm.edu.my](mailto:gay@ukm.edu.my).

Jawiah Binti Dakir (Ph.D) is the Deputy Director of Institut of Islamic Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia. Professor at Department of Islamic Theology and Philosophy, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia. She can be contacted at [jawiah@ukm.edu.my](mailto:jawiah@ukm.edu.my).

Fariza Md Sham (Phd) is the Associate Professor at Department of Dakwah and Leaderships, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia. She can be contacted at [farisham@ukm.my](mailto:farisham@ukm.my)